

Rumah terbuka UMP rai warga kampus

Berlangsung di pekarangan Kompleks Perkhidmatan Siswa semalam bagi merai warga kampus yang telah bekerja keras meningkatkan imej universiti tersebut.

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN - Kemeriahan sambutan Aidilfitri berterusan walaupun telah memasuki hari ke-18 dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak ketinggalan mengadakan majlis Hari Raya yang berlangsung di pekarangan Kompleks Perkhidmatan Siswa semalam bagi merai warga kampus yang telah bekerja keras meningkatkan imej UMP.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah seluruh penghuni UMP apabila dihidangkan dengan pelbagai juadah hari raya yang



“Persefahaman yang diberikan menjadikan majlis ini sempurna dan sikap mereka ini diharap berterusan kerana ia mampu mewujudkan satu pertalian erat sesama warga sekali gus dapat membina semangat kekitaan yang kukuh.”

■ Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela

dilaksanakan oleh pelajar dan kakitangan bagi memastikan kelancaran program sejajar dengan matlamat universiti.

Menurut Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, program anjuran universiti dengan kerjasama pelajar bertujuan untuk meningkatkan mutu dalam perhubungan di antara mereka seterusnya dapat membina satu semangat kerja berpasukan.

“Pelbagai motif boleh

diperoleh hasil daripada program anjuran kami walaupun secara langsung hanyalah untuk merai seluruh pelajar dan staf sempena sambutan Aidilfitri.

“Ia sebenarnya mempunyai maksud tersirat kerana tanpa disedari majlis berkenaan sebenarnya mampu mengukuhkan perhubungan di antara semua tanpa mengira pangkat dan peringkat umur,” katanya.

Menurutnya, melalui



Kepelbagaian juadah menjadikan majlis ini serba lengkap dan meriah

program yang menjadi agenda tetap universiti ini, keseluruhan warga UMP berjaya membina hubungan baik bukan sahaja sesama pelajar malan

turut melibatkan pengurusan peringkat tertinggi yang berjaya mewujudkan satu persefahaman baik.

“Persefahaman yang diberikan menjadikan majlis ini sempurna dan sikap mereka ini diharap berterusan kerana ia mampu mewujudkan satu pertalian erat sesama warga sekali gus dapat membina semangat kekitaan yang kukuh,” ujarinya.

Penuntut Jurusan Kejuruteraan Mekanikal, Nor Sharifah Shahirah Syed Mohd Nordin, 22, berkata, majlis ini dapat menghimpunkan ke-

pelbagaian kaum bukan sahaja penganut agama Islam tetapi kaum lain juga bersama-sama menjayakan majlis ini.

“Walaupun berlainan agama, mereka tidak pernah terasa dipinggirkan kepada majlis ini adalah untuk meraikan seluruh penuntut dan kakitangan UMP.

“Paling membanggakan mereka juga menghulurkan sumbangan untuk memastikan kelancaran acara ini dan ini boleh menjadi platform kepada universiti untuk mewujudkan bangsa Malaysia,” katanya.